

SULIT



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS	:	KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS	:	DAC 21902
KOD PROGRAM	:	DAA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI / FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	1. JAWAB <b>SEMUA</b> SOALAN DI BAHAGIAN A DAN B 2. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA <b>DALAM TALIAN</b> DAN DILAKSANAKAN SECARA <b>TUTUP BUKU</b> .

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUK BELAS (17) MUKA SURAT

SULIT

**TERBUKA**

## BAHAGIAN A

- S1 Apakah fungsi yang tepat bagi Dokumen Meja Tender?
- A Merupakan bahan asas untuk mengemukakan tender & ia didapati secara percuma diberikan kepada semua kontraktor
  - B Ia disediakan dan dijual kepada kontraktor
  - C Ia digunakan ketika kecemasan sekiranya ada permasalahan berlaku sepanjang proses pembinaan
  - D Digunakan semasa kontraktor memohon untuk menyertai tender yang disediakan dan dipamerkan di atas meja
- S2 Maklumat berikut adalah benar bagi Fasal 43: Kelewatan dan lanjutan masa, **KECUALI**
- A Perunding bertanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja disiapkan dalam tempoh ditetapkan
  - B Perancangan kerja dipersetujui antara klien dan kontraktor menjadi medium kawalan kerja pembinaan
  - C Kontraktor sentiasa memantau kemajuan kerja supaya tiada masalah di dalam projek
  - D Kontraktor bertanggungjawab untuk mengkaji sebab-sebab sekiranya sesuatu projek tergendala @ tidak mengikut perancangan
- S3 Sebelum pihak kontraktor dibayar secara interim, penilaian oleh pihak klien perlu dilakukan dan juga disahkan. Penilaian ini adalah seperti berikut **KECUALI**
- A Penilaian kerja pembinaan yang telah siap
  - B Penilaian kerja-kerja terbengkalai
  - C Penilaian kerja-kerja pakar oleh NSC
  - D Penilaian ke atas bahan yang telah dipasang
- S4 Berpandukan akta, terdapat beberapa elemen-elemen kontrak yang wujud bagi memastikan sesuatu kontrak itu boleh dikuatkuasakan dengan baik, elemen-elemen adalah seperti berikut **KECUALI**
- A Muhasabah
  - B Balasan
  - C Tanpa paksaan
  - D Niat

- S5 *"Pihak ini merupakan individu atau badan yang menyediakan ringkasan berkaitan objektif projek, dan melaksanakan bayaran ke atas kerja-kerja yang telah dibina"*

Penyataan di atas merujuk kepada tanggungjawab \_\_\_\_\_.

- A Kontraktor
- B Klien
- C Perunding
- D Arkitek

- S6 Kumpulan perunding professional dari pelbagai bidang diambil bekerja oleh pihak klien, di antara tanggungjawab kumpulan ini adalah

- A Menyediakan anggaran yang tepat, perancangan dan penjadualan pembinaan
- B Menyediakan rekabentuk bangunan, menyediakan pelan
- C Menyediakan ringkasan projek berkaitan kehendak dan juga objektif
- D Memastikan kerja-kerja pembinaan mengikut spesifikasi, masa, dan kos yang telah ditetapkan.

- S7 Kenyataan berikut merujuk kepada dokumen tender **KECUALI**

- A Ia memudahkan kontraktor mengetahui secara lebih jelas mengenai projek yang dicadangkan
- B Ia menjadi rujukan kepada penender untuk mengetahui siapa penender lain yang turut sama menghantar permohonan tersebut
- C Ia merupakan bahan asas untuk mengemukakan tender
- D Ia disediakan dan dijual kepada kontraktor untuk dihargaikan

- S8 *Klausa 2(b) pula menyatakan "apabila seseorang kepada sesiapa cadangan itu dibuat menyatakan persetujuan dengan cadangan itu, cadangan itu adalah dikatakan diterima; sesuatu cadangan bila diterima adalah menjadi janji".*

Klausa berikut merujuk kepada elemen kontrak bagi

- A Tawaran
- B Penerimaan
- C Balasan
- D Niat

TERBUKA

- S9 "Kontraktor mendapat bayaran kerana melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja dengan sempurna dan klien/majikan pula menerima bangunan yang siap"

Kenyataan diatas merujuk kepada elemen \_\_\_\_\_.

- A Tawaran
- B Penerimaan
- C Balasan
- D Niat

- S10 Menurut Seksyen 11 Akta Kontrak, untuk membolehkan kontrak itu sah, pihak yang berkontrak mestilah memenuhi syarat berikut **KECUALI**

- A Mempunyai masalah kewangan untuk melaksanakan urusan pembinaan
- B Dewasa menurut undang-undang
- C Berakal sempurna semasa membuat kontrak
- D Tidak hilang kelayakan daripada membuat kontrak

- S11 "Syarikat Salam Sejahtera membekalkan tenaga buruh dan bahan binaan dalam masa yang sama syarikat juga melaksanakan kerja bangunan, kejuruteraan awam dan lain-lain."

Kenyataan di atas merujuk kepada kontrak \_\_\_\_\_.

- A Kontrak Binaan
- B Kontrak Bekalan
- C Kontrak Kerja
- D Kontrak Perkhidmatan

- S12 "Majikan berhasrat untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan & mengadakan hubungan kontrak & pihak pembinaan"

Kenyataan berikut merujuk kepada elemen

- A Tawaran
- B Pemberian
- C Penerimaan
- D Niat

- S13 Syarikat Cergas Murni akan melaksanakan projek yang memerlukan proses rekaan dan bina. Borang kontrak setara yang diperlukan adalah

- A Borang kontrak JKR 203
- B Borang kontrak PWD Form DB/T
- C Borang kontrak PAM
- D Borang kontrak FIDIC

- S14 Tender ini boleh dimohon oleh semua kontraktor bumiputera, yang mana persaingannya agak sengit kerana iklan tender ini dipamerkan melalui surat khabar. Tender ini biasa dipraktikkan di jabatan-jabatan kerajaan dan badan berkanun seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Tender ini merujuk kepada
- A Terhad
  - B Terbuka
  - C Pra-kelayakan
  - D Terpilih
- S15 Tender \_\_\_\_\_ ini akan dipilih melalui senarai nama kontraktor di Kementerian Kewangan, yang mana jumlah kontraktor yang menyertai tender ini telah diketahui dan telah ditentukan.
- A Terhad
  - B Terbuka
  - C Pra-kelayakan
  - D Terpilih
- S16 Pelawaan tender dilakukan oleh majikan atau wakilnya dengan mengiklankan terlebih dahulu di dalam akhbar. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam iklan tender seperti berikut **KECUALI**
- A Nama projek
  - B Waktu dan tempat mengambil dokumen
  - C Lawatan Tapak
  - D Tarikh buka tender
- S17 Dokumen ini digunakan secara meluas yang mana proses penyediaan dokumen ini agak lama. Pelan-pelan disediakan oleh arkitek dan jurutera. Sekiranya tender disetujui terima, jumlah harga tender akan menjadi harga kontrak. Kadar harga yang terkandung dalam dokumen tender ini menjadi asas untuk menilai bayaran kemajuan kerja yang akan diberikan. Dokumen ini merujuk kepada
- A Dokumen Tender berdasarkan Senarai Kuantiti
  - B Dokumen Tender berdasarkan Lukisan dan Spesifikasi
  - C Dokumen Tender berdasarkan Kontrak Terbuka
  - D Dokumen Tender berdasarkan Kerja Terdahulu



- S18** Di antara maklumat berikut adalah benar bagi syarat-syarat kontrak **KECUALI**
- A Menggantikan sesuatu kerja yang termaktub di dalam kontrak dengan yang lain adalah merujuk kepada Perubahan Kerja
  - B Sekalipun Dokumen Kontrak belum ditandatangani, kontraktor boleh memohon bayaran interim sekiranya Surat Setuju Terima projek telah ditandatangani
  - C Wang Jaminan Pelaksanaan adalah untuk menjamin klien membayar kepada kontraktor mengikut kontrak yang dimeterai
  - D Tiada yang di atas
- S19** Lanjutan masa ialah tambahan tempoh menyiapkan pembinaan yang diberikan oleh Pegawai Penguasa kepada kontraktor atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh kontrak, berikut adalah sebab-sebab membolehkan lanjutan masa **KECUALI**
- A 'Force Majeure' (Klausa 57)
  - B Penggantungan kerja (Klausa 50)
  - C Arahan-arahan PP (Klausa 5)
  - D Bayaran yang lambat oleh klien (Klausa 65)
- S20** Semasa kerja pembinaan sedang dijalankan mungkin akan terdapat perubahan kerja yang terjadi. Perubahan lazimnya dibuat bagi disesuaikan dengan keadaan tapak bina atau untuk menampung sebarang perubahan atau pengubahsuaian dalam reka bentuk, kualiti dan kuantiti yang diperlukan oleh Klien. Bagi membuat perubahan kepada kerja yang terkandung dalam kontrak, Pegawai Penguasa akan mengeluarkan \_\_\_\_\_.
- A Arahan Penukaran Tugas
  - B Arahan Kontrak Terkini
  - C Arahan Penambahan/Pengurangan Kerja
  - D Arahan Perubahan Kerja
- S21** Dokumen tender boleh berbentuk seperti berikut **KECUALI**
- A Dokumen tender berdasarkan spesifikasi, lukisan, dan senarai kuantiti
  - B Dokumen tender berdasarkan tawaran kerja
  - C Dokumen tender berdasarkan lukisan dan spesifikasi
  - D Dokumen tender berdasarkan senarai kuantiti

- S22 Di antara berikut, yang manakah **BENAR** bagi kontrak reka dan bina?
- A Pihak kontraktor akan melantik kumpulan perundingan bagi menyiapkan kerja
  - B Pihak klien akan berurusan dengan banyak syarikat untuk projek binaan
  - C Perunding akan melantik kontraktor kerja
  - D Perunding dilantik untuk bertanggungjawab keatas rekabentuk, pembinaan & menyiapkan projek
- S23 Di antara berikut, kenyataan adalah berkaitan kontrak tradisional **KECUALI**
- A Tindakan boleh diambil ke atas pihak perunding sekiranya kegagalan dalam rekabentuk
  - B Klien boleh mengambil tindakan kepada kontraktor jika berlaku kegagalan pembinaan
  - C Pihak kontraktor akan menyediakan rekabentuk bangunan
  - D Kontraktor yang dilantik hanya bertanggungjawab membina sahaja berdasarkan lukisan dan spesifikasi
- S24 Definisi bayaran interim adalah
- A Sejumlah wang yang perlu dibayar dan termasuk yuran penyelenggaraan
  - B Bayaran pendahuluan bagi kerja-kerja yang melibatkan sub-kontraktor
  - C Bayaran kerja sampingan di dalam sesuatu projek selain kerja kontraktor
  - D Sejumlah wang yang perlu dibayar kepada kontraktor secara berkala seperti yang ditetapkan dalam kontrak
- S25 Pilih kenyataan yang **SALAH** tentang Bon Pelaksanaan
- A Sebelum sebarang kerja di tapak bina dilakukan, Bon Pelaksanaan perlu disediakan oleh kontraktor dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa
  - B Kebiasaannya, nilai Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 5% dari jumlah harga kontrak pembinaan
  - C Bon Pelaksanaan dalam bentuk Gerenti Bank atau Insuran ini perlulah sah sehingga tempoh liability kecacatan tamat
  - D Tiada yang di atas
- S26 Pilih kenyataan yang **BETUL** berkaitan kontrak binaan tradisional.
- A Fasa pembinaan adalah fasa di mana klien berkontrak dengan perunding
  - B Sijil Selesai Membaiki Kecacatan (CMGD) akan dikeluarkan sebaik sahaja pembinaan di tapak bina selesai
  - C Dokumen tender akan disediakan oleh Pegawai Penguasa bagi sesebuah projek pembinaan
  - D Tiada yang di atas

**TERBUKA**

- S27 Selesai sahaja menerima Surat Setuju Terima Tender oleh kontraktor yang berjaya, mereka perlu
- A Membawa ke semua peralatan, pekerja, dan jentera masuk ke tapak bina
  - B Membersihkan tapak bina dan mendirikan pagar di sekeliling tapak untuk keselamatan
  - C Mendapatkan bon pelaksanaan serta insuran-insuran berkaitan antaranya *Workers Compensation* dan *Contractor All Risk*
  - D Tiada yang di atas
- S28 Penilaian interim merangkumi pelbagai urusan projek pembinaan. Berikut adalah aspek yang dititik beratkan di dalam penilaian interim **KECUALI**
- A Penilaian ke atas bahan yang dipasang
  - B Penilaian kerja-kerja binaan biasa dan kerja pakar
  - C Penilaian bahan-bahan yang belum pasang
  - D Tiada yang di atas
- S29 Pilih kenyataan yang **BETUL** tentang kandungan Dokumen Tender
- A Surat setuju terima = Dikeluarkan kepada petender yang tidak berjaya bagi melaksanakan projek
  - B Spesifikasi = Penerangan tentang cara kerja, kualiti kerja, dan bahan bagi sesuatu projek
  - C Jadual kadar harga = senarai butiran kerja dan kadar harga yang telah ditentukan oleh klien
  - D Tiada yang di atas
- S30 Lanjutan masa adalah dibenarkan atas sebab-sebab tertentu. Namun, antara kesannya adalah seperti berikut:
- A Reputasi kontraktor akan menjadi buruk dan sukar mendapatkan peluang kerja selanjutnya
  - B Kontrak di antara klien dan kontraktor perlu diperbaharui dengan mengikut kepada tempoh lanjutan masa
  - C Tempoh penyiapan projek akan dipanjangkan dan kontraktor terlepas dari membayar ganti rugi kepada klien
  - D Tiada yang di atas



S31 Sebuah projek pembinaan telah disasarkan oleh klien untuk dibina pada kos RM 750,000.00. Sebuah syarikat kontraktor telah dilantik untuk membina pembinaan tersebut dan berjaya menyiapkannya pada kos RM 600,000.00. Merujuk kepada kontrak kos tambahan yuran berubah (kos sasaran), kirakan jumlah kos projek sekiranya margin keuntungan kontraktor tersebut adalah RM 70,000.00, serta terdapat yuran berubah sebanyak 30%.

- A RM 691,000.00
- B RM 715,000.00
- C RM 115,000.00
- D RM 750,000.00

S32 Terdapat suatu projek pembinaan yang menggunakan kontrak kos tambahan peratusan yuran ditetapkan. Kirakan kos yang perlu disediakan oleh klien bagi maklumat-maklumat berikut:

Kos kerja = RM 200,000.00 (15% sebagai margin keuntungan)
Kos bahan binaan = RM 500,000.00 (15% sebagai margin keuntungan)

- A RM 800,000.00
- B RM 805,000.00
- C RM 595,000.00
- D RM 910,000.00

S33 Kenyataan berikut, adalah benar dalam syarat-syarat kontrak **KECUALI**:

- A Penilaian interim yang pertama tidak lewat dari satu bulan dari tarikh milik tapak bina
- B Penilaian interim dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun
- C Bayaran dibuat dari masa kesemasa mengikut Fasal 28 Bayaran Interim
- D Tanggungjawab klien dalam kontrak pembinaan ialah membuat bayaran kepada kontraktor

S34 Pilih kenyataan yang **TIDAK BENAR** berkaitan tender perundingan.

- A Lazimnya digunakan apabila tiada maklumat dari peringkat awal
- B Tender ini sesuai bagi projek yang perlu segera disiapkan
- C Pemilihan kontraktor biasanya yang mempunyai reputasi yang baik
- D Perunding akan menghantar surat kepada kontraktor tertentu untuk menjemput kontraktor menyediakan rangka perbelanjaan projek

**TERBUKA**

S35 Ciri-ciri berikut merujuk kepada dokumen tender \_\_\_\_\_.

Digunakan dengan meluas  
Pelan-pelan disediakan oleh arkitek dan jurutera  
Dokumen disediakan oleh Jurukur Bahan  
Tender yang telah disetujui terima, jumlah harga tender akan menjadi harga kontrak  
Mengambil masa yang lama untuk menyediakannya

- A Senarai Kuantiti
- B Tawaran Kerja
- C Lukisan dan Spesifikasi
- D Spesifikasi

S36 Sekiranya anda diminta untuk menyediakan satu dokumen tender untuk klien, dan ianya perlu disediakan dalam keadaan segera, apakah jenis dokumen tender yang sesuai?

- A Dokumen tender berdasarkan tawaran kerja
- B Dokumen tender berdasarkan kerja-kerja lepas
- C Dokumen tender berdasarkan senarai kuantiti
- D Dokumen tender berdasarkan lukisan & spesifikasi

S37 Di antara yang berikut, yang manakah menjadi tanggungjawab wakil Pegawai Penguasa (PP):

- i. Menjaga dan menyelia kerja
- ii. Mewakili klien dan membayarkan kerja-kerja yang telah dijalankan
- iii. Menguji dan memeriksa bahan yang digunakan dalam projek
- iv. Menguji dan memeriksa mutu kerja kontraktor

- A i, ii, iii
- B i, ii, iv
- C i, iii, iv
- D Semua yang di atas

S38 Anda mewakili sebuah organisasi kontraktor utama, dan diminta oleh majikan anda untuk mengubah sesuatu kerja yang telah dijalankan. Perubahan kerja melibatkan pertambahan, pengurangan atau pengantian sebarang kerja. Tetapi anda tahu bahawa anda perlu memeriksa sama ada arahan tersebut adalah dibenarkan atau pun tidak. Di antara berikut, siapakah yang berkuasa mengeluarkan arahan bagi setiap perubahan kerja?

- A Klien
- B Pegawai Penguasa
- C Kontraktor
- D Perunding

S39 Pilih kenyataan berkaitan bayaran interim yang **BETUL**

- A Nilai minimum bayaran interim pertama biasanya adalah sebanyak RM1000
- B Bayaran interim boleh diberikan kepada kontraktor tanpa penilaian kerja di pihak klien
- C Penilaian bayaran bagi kerja-kerja pakar tidak diperlukan untuk bayaran interim
- D Bayaran interim pertama akan termasuk dengan ke semua bahan binaan yang akan digunakan pada akhir pembinaan

S40 Pilih kenyataan yang **BETUL** di bawah

- A Kontraktor Gred 1 mempunyai kemudahan kaedah pengundian dalam memperoleh sesuatu projek yang bernilai tidak terlalu tinggi
- B Pihak klien boleh melakukan proses tender semula sekiranya terdapat keraguan di dalam tawaran oleh kontraktor-kontraktor yang membida
- C Pembinaan tempat tinggal sementara pekerja adalah tergolong dalam item di dalam *preliminaries*
- D Semua yang di atas

(40 markah)

**TERBUKA**

**BAHAGIAN B**

*Sila muat naik helaian jawapan anda ke dalam AUTHOR*

- S41 Nyatakan **dua (2)** kegunaan pengukuran kuantiti. (2 markah)
- S42 Terangkan **dua (2)** kepentingan anggaran harga. (6 markah)
- S43 Senaraikan **dua (2)** faktor yang mempengaruhi ketepatan anggaran harga. (2 markah)

**Soalan S44 dan S45 adalah berdasarkan RAJAH S44**

**RAJAH S44** adalah susunatur dan perincian rasuk tanah bagi sebuah bangunan kecil. Dengan menggunakan format kertas dimensi tradisional, jawab soalan S44 dan S45.

- S44 Sediakan pengukuran kuantiti bagi kerja penggalian peparit untuk rasuk tanah. (10 markah)
- S45 Sediakan pengukuran kuantiti bagi kerja lapisan kedap konkrit. (8 markah)

**Soalan S46 dan S47 adalah berdasarkan RAJAH S46**

Encik Najib berhasrat untuk membina sebuah rumah untuk keluarganya. **RAJAH S46** merupakan pelan lantai bagi rumah yang akan dibina. Pada tahun 2020, Puan Munah telah siap membina rumah banglo miliknya dengan kos RM 150,000.00 bagi keluasan lantai 120 m<sup>2</sup>. Berdasarkan maklumat kos rumah Puan Munah jawab soalan berikut:

- S46 Tentukan kaedah anggaran kos yang sesuai dengan maklumat kos yang ada. (2 markah)
- S47 Kirakan anggaran kos pembinaan rumah Encik Najib dengan menggunakan kaedah anggaran kos sebagaimana dalam soalan S46 (10 markah)

**TERBUKA**

Soalan S48 hingga S50 adalah berdasarkan RAJAH S48-S49

**RAJAH S48** adalah satu helaian dalam senarai kuantiti, manakala **RAJAH S49** adalah maklumat kos. Anda telah ditugaskan oleh penyelia anda untuk menghargakan kerja-kerja penggalian dalam dokumen tersebut. Berdasarkan penerangan dalam dokumen tersebut jawab soalan S48 hingga S50.

- S48** Kirakan harga seunit bagi Item B (pengaliran merendahkan aras) (8 markah)
- S49** Kirakan harga seunit bagi Item C (penggalian untuk asas pad) (8 markah)
- S50** Menggunakan helaian senarai kuantiti dalam **RAJAH S48**, hargakan Item B dan C serta jumlahkan kos kerja-kerja penggalian tersebut. (4 markah)


- SOALAN TAMAT -

**TERBUKA**


PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM 1 / 2021/2022  
NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : DAA  
KOD KURSUS : DAC 21902



GROUND BEAM LAYOUT  
(n.t.s)



GROUND BEAM DETAILS  
(n.t.s)


RAJAH S44



PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM 1 / 2021/2022  
NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : DAA  
KOD KURSUS : DAC 21902



Nota  
Ukuran yang diberi adalah dari tengah ke tengah (c/c)  
Ketebalan dinding adalah 336mm

RAJAH S46



**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER / SESI : SEM 1 / 2021/2022  
 NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : DAA  
 KOD KURSUS : DAC 21902

*\*Muat naik helaian ini bersama-sama dengan helaian jawapan yang lain ke dalam Author*

No. kad matrik									
----------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ELEMENT A - WORK BELOW LOWEST FLOOR LEVEL

Bill No. 2 - Building Works

ITEM	DESCRIPTION	UNIT	QUANTITY	RATE (RM)	AMOUNT (RM)
	<u>EXCAVATION WORK</u>				
	<u>Note:</u> All excavation are measured from platform level unless otherwise stated				
A	The earthworks have been done in a separate Contract. However, the Contractor shall allow here for any cost of additional earthworks including cutting, filling, shaping, trimming and compacting the site to the required formation levels and building platforms as directed by and to the satisfaction of the the Architect	Item			
	<u>Excavate, get out, well ram and and cart away from site, level, grade and ram bottom</u>				
B	Reduce level average 100mm deep	M2	15		
	<u>Excavate, get out, part return, fill in, well ram and remainder load and cart away from site, level, grade and ram bottom, trim sides including planking and strutting to</u>				
C	Pad footing not exceeding 1.50m deep (Provisional)	M3	10		
		B.2A/1	TO COLLECTION		

**RAJAH S48**





## PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM 1 / 2021/2022  
 NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : DAA  
 KOD KURSUS : DAC 21902

**Maklumat:**Kerja penggalian

Penggalian asas pad tidak melebihi 1.0m dalam	3.50jam/m <sup>3</sup>
Penggalian asas pad tidak melebihi 2.0m dalam	4.50jam/m <sup>3</sup>
Penggalian peparit tidak melebihi 1.0m dalam	2.75jam/m <sup>3</sup>
Penggalian peparit tidak melebihi 2.0m dalam	4.00jam/m <sup>3</sup>

Pembuangan Tanah

Memuat, mengangkut dan membuang	1.50jam/m <sup>3</sup>
Memuat, mengangkut, menyimpan, menyelerak dan merata tanah	2.00jam/m <sup>3</sup>
Kegemburan tanah biasa	25%

Upah Buruh

Upah Buruh	RM 80.00
Kos papan & tupang ( <i>planking &amp; strutting</i> )	RM 5.00
Pengurusan dan keuntungan	20%
Pembaziran	5 %

## RAJAH S49

